



17 APR, 2024

Pastikan keselamatan sempadan negara

Harian Metro, Malaysia



KERJASAMA ERAT ANTARA AGENSI

Pastikan keselamatan sempadan negara

Alor Setar: Kerjasama erat antara agensi keselamatan dalam melaksanakan kawalan dan operasi bersepadu dapat memastikan keselamatan di sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand terus terpelihara sekali gus menjamin keselamatan negara.

Pengarah Keselamatan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kedah Zuraini Mohd Yusof berkata, ia sangat penting memandang negeri ini mempunyai keluasan sempadan yang agak besar dengan negara jiran.

“Keselamatan di sempadan itu menjadi keutamaan kita (MKN). Memang kita sasar untuk capai sifar pencerobohan

“Kita sasar untuk capai sifar pencerobohan walaupun susah nak realisasikan, tapi kita beri keutamaan supaya dapat meminimumkan pencerobohan”

walaupun susah nak realisasikan, tapi kita beri keutamaan supaya dapat meminimumkan pencerobohan.

“MKN menyelaras operasi menyeluruh membabitkan agensi keselamatan di negara kita...kolaborasi antara jabatan terutama agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Perdana Menteri sendiri sangat baik,” katanya kepada Bernama di sini, baru-baru ini.

Zuraini berkata, kerjasama rapat termasuk membabitkan Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, polis dan pasukan tentera yang bersama-sama melaksanakan kawalan keselamatan ketika ini berjaya meminimumkan kes melibatkan keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand di negeri ini.

Zuraini berkata, MKN Kedah sememangnya memberi fokus utama berkaitan keselamatan sempadan di negeri ini yang mempunyai pintu masuk sempadan di darat, laut dan udara.



17 APR, 2024

Pastikan keselamatan sempadan negara

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

KERJASAMA ERAT ANTARA AGENSI

Alor Setar: Ker j a s a m a erat antara agensi keselamatan dalam melaksanakan kawalan dan operasi bersepadu dapat memastikan keselamatan di sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand terus terpelihara sekali gus menjamin keselamatan negara. Pengarah Keselamatan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kedah Zuraini Mohd Yusof berkata, ia sangat penting memandangkan negeri ini mempunyai keluasan sempadan yang agak besar dengan negara jiran.“Keselamatan di sempadan itu menjadi keutamaan kita (MKN).